

NO. SOALAN: 18

PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B TUAN OSCAR LING CHAI YEW
[SIBU]**

TARIKH : 15 JUN 2015

SOALAN : Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan mengapa Kerajaan Persekutuan gagal untuk mencapai keharmonian kaum dan agama di Semenanjung, seperti keharmonian kaum dan agama yang dinikmati oleh rakyat Sarawak.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di Pertua,

Dalam konteks Maaysia, pucuk pimpinan Negara pada amnya memang sangat sedar dan peka akan cabaran-cabaran untuk terus memupuk persefahaman, mengekalkan keharmonian, menguruskan pelbagai jurang antara kaum serta meredakan sebarang sentimen dan sengketa yang timbul. Penggubalan polisi dan strategi dalam semua bidang sentiasa berpandukan kepada Perlembagaan Persekutuan dan Perinsip Rukun Negara sebagai asas kenegaraan yang mengambil kira dan merangkumi

hak-hak asasi semua rakyat secara betapa seimbang yang mungkin. Walau bagaimanapun, tidak dapat dinafikan bahawa dalam pelaksanaan dasar-dasar kerajaan, kadang-kala menimbulkan masalah penyelewengan atau kecacatan yang ada di antaranya ditafsirkan sebagai tidak wajar atau melampau.

Memandangkan bahawa proses membina Negara dan memupuk perpaduan sememangnya merupakan satu perjuangan yang berterusan yang memerlukan pembaharuan dan transformasi dari masa ke semasa, maka YAB Perdana Menteri telah giat melaksanakan Gagasan 1Malaysia sejak 2009 untuk terus menyemaikan nilai-nilai murni serta sikap penerimaan, saling menghormati dan keterangkuman (*inclusiveness*) di kalangan rakyat.

YAB Perdana Menteri telah mencadangkan inisiatif Gerakan Global ke Arah Kesederhanaan (***Global Movement of the Moderates***) buat pertama kalinya dalam ucapan beliau di Persidangan Agung Bangsa-bangsa Bersatu pada Oktober 2010. Intipati utama inisiatif tersebut yang berdasarkan konsep ***Wasatiyyah*** atau '*moderation*' dalam Islam adalah untuk merangkumkan kerjasama di antara golongan-golongan sederhana dari pelbagai agama serta menggalakkan dialog antara para penganut semua agama bagi melahirkan masyarakat yang bersatu-padu dan saling menghormati di antara satu sama lain, kerana konsep kesederhanaan ini terdapat juga dalam falsafah agama-agama lain.

Konsep ***wasatiyyah*** yang bermaksud sederhana, pertengahan dan berimbang adalah sesuai sebagai pemangkin kepada Gagasan 1Malaysia untuk diamalkan di masyarakat majmuk Malaysia, kerana selaras dengan wawasan kepimpinan Negara yang mahu mewujudkan keseimbangan dalam membina perpaduan yang lebih harmoni di kalangan masyarakat pelbagai bangsa, agama dan adat resam budaya.

Untuk memantapkan lagi strategi dan pelaksanaan '***wasatiyyah***' yang sederhana dan seimbang ini, Kerajaan telah menubuhkan Institut Wasatiyyah yang akan diletakkan di bawah Jabatan Perdana Menteri, manakala Kursi Wasatiyyah diwujudkan di Universiti Malaya yang akan menjadi pemangkin kepada gerakan kesederhanaan di Malaysia.

Walaupun masih ada mereka yang mempunyai pandangan atau pendekatan yang ekstrem, Kerajaan yakin bahawa dengan langkah-langkah dan pendekatan kesederhanaan yang berterusan yang dilaksanakan, rakyat secara umumnya akan menjadi semakin matang dan akan dapat menilai dengan sendiri bahawa '***wasatiyyah***' inilah yang amat sesuai untuk masyarakat kita dan bukannya pendekatan ekstrem. Usaha memupuk persefahaman dan perpaduan dalam kepelbagaian (***unity in diversity***) sememangnya memerlukan sikap keterangkuman, penyertaan dan sumbangaan semua pihak, terutamanya para pemimpin politik, pemimpin masyarakat dan penjawat awam.

Sekian, terima kasih.